

OKTOBER
2022

Aspirasi
Kejirgantahan

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknpp.gov.my

PROJEK KILANG PELURU BAKAL BAWA LIMPAHAN EKONOMI KEPADA PENDUDUK LIPIS



YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar saling bertukar dokumen perjanjian bersama Pengarah Ketech Asia, Encik Mohd Nahar bin Mohd Nasir sambil disaksikan Menteri Besar Pahang

Lipis, 17 Oktober - Projek Kilang Peluru yang akan dibangunkan oleh anak tempatan, Ketech Asia Sdn Bhd dijangka mengubah landskap sosioekonomi dan akan membawa limpahan ekonomi khususnya kepada penduduk di daerah Lipis, Pahang, kata YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Pelancaran Projek Kilang Industri Pertahanan (Kilang Peluru Ketech Asia) pada hari ini di Dewan Orang Ramai Kechau Tui, Lipis, Pahang Darul Makmur.

Projek Kilang Peluru ini melibatkan anggaran pelaburan berjumlah RM 120 juta dan pembinaan kilang ini dijangka siap pada akhir 2023. Malah, kilang ini mensasarkan 300 peluang pekerjaan awal kepada orang ramai terutama kepada masyarakat tempatan.

Pada majlis ini turut diadakan Majlis Menandatangani Perjanjian Pajakan antara PKNP dan Ketech Asia Sdn Bhd untuk projek kilang industri pertahanan (Kilang Peluru Ketech Asia).

PKNP diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar dan Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman manakala Ketech Asia diwakili oleh Penasihat Ketech Asia, Datuk Mohd Aizuddin bin Mohamad Khairi dan Pengarah Ketech Asia, Encik Mohd Nahar bin Mohd Nasir.

Hadir bersama ke majlis ini adalah Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar 1 merangkap Ahli Parlimen Lipis, Dato' Sri Abdul Rahman bin Mohamad, Setiausaha Kerajaan Pahang, YH. Dato' Dr. Sallehuddin bin Ishak, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), YBhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek dan Pengurus - Pengurus bahagian yang terlibat.

PKNP MENANG ANUGERAH KRAF ANTARABANGSA

New Delhi, 23 Oktober - PKNP melalui anak syarikat, Realistic Attraction Sdn.Bhd. menerima trofi anugerah Organisation for Business Development of Craft Sector di the 5th International Craft Awards 2022 (ICA), India Craft Week, di Okhla, New Delhi, India.

Pemenang bagi setiap kategori telah diumumkan pada bulan Januari 2021 yang lalu.

Anugerah telah diterima oleh Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar selaku Pengerusi Realistic Attraction Sdn. Bhd.

Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al - Haj juga merupakan salah seorang panel hakim bagi anugerah yang berprestij ini.



Wakil PKNP mengabadikan kenangan bersama barisan pemenang International Craft Awards (CIA) yang lain

Anugerah ini dianjurkan oleh Craft Village India dan ahli jawatankuasa International Craft Awards (ICA) serta diwujudkan untuk mengiktiraf individu dan organisasi di seluruh dunia yang terlibat dalam seni kraf.

Turut hadir adalah Ketua Pegawai Operasi Realistic Attraction Sdn Bhd (RASB), Puan Noraini binti Misran dan Pegawai RASB, Puan Nurul Syuhadah binti Md Yusoff.

SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG LAWAT RUMAH REHAT RAUB



YB. Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak berpuas hati dengan kemajuan kerja di Rumah Rehat Raub.

Raub, 16 Oktober - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar mengiringi Setiausaha Kerajaan Pahang, YB. Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak untuk melihat kemajuan kerja di Rumah Rehat Raub, Pahang Darul Makmur pada 16 Oktober 2022.

YB. Dato' Sri Dr. Sallehuddin juga meminta PKNP untuk sentiasa memantau kemajuan kerja - kerja pemulihan di Rumah Rehat Raub ini supaya dapat disiapkan sepenuhnya pada penghujung tahun 2022 dan boleh beroperasi pada awal tahun 2023.

Hadir bersama Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), YBhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek dan pegawai - pegawai PKNP.

ZIARAH PRIHATIN KEPADA BEKAS ANGGOTA PEKERJA PKNP

Kuantan, 18 Oktober - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah menziarahi Encik Roslim bin Ismail, bekas anggota pekerja PKNP di kediamannya di Kampung Teluk Mahang, Kuantan.

Beliau pernah berkhidmat di PKNP selama 24 tahun bermula pada 1 Januari 1992 sehingga 1 Januari 2016. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Pegawai Tadbir Gred N41 (kontrak) di Unit Pembangunan Usahawan (UPU), Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan.

Pada kunjungan ini juga, PKNP telah menyumbangkan sebuah kerusi roda untuk kegunaan Encik Roslim.

Semoga sumbangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban dan membantu memudahkan kehidupan harian beliau.

Hadir bersama adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin



Encik Roslim terharu dengan kunjungan daripada Pengurusan dan rakan - rakan dari PKNP

Abdul Malek, Pengurus Hal Ehwal Korporat, Tuan Hj Mohd Ibrahim bin Hashim dan Pengurus Pembangunan Komuniti dan Keusahawanan, Encik Nasry bin Kassim.

PERLAWANAN PERSAHABATAN PKNP DAN MR BADMINTON CLUB

Kuantan, 28 Oktober - Satu perlawanan persahabatan antara PKNP dan Mr Badminton Club telah diadakan di Playground Semambu dan melibatkan 15 orang pemain dari PKNP. Perlawanan ini telah dimenangi oleh Mr Badminton Club.



Barisan pemain PKNP yang terlibat dengan perlawanan persahabatan ini.

PETRONAS - PAHANG STATE NETWORKING BOWLING TOURNAMENT 2022



Pasukan Bowling PKNP meneruskan rentak cemerlang dengan memenangi perlawanan ini.

Kuantan, 16 Oktober 2022 - PKNP berjaya mendapat tempat kedua bagi acara trio lelaki dalam perlawanan Petronas - Pahang State Networking Bowling Tournament 2022 yang diadakan di Pusat Sukan Playground No.6, Kuantan.

PERLAWANAN PERSAHABATAN BOWLING ANTARA PKNP DAN YAYASAN PAHANG 2022

Kuantan, 31 Oktober - Satu perlawanan Persahabatan Bowling antara PKNP dan Yayasan Pahang telah diadakan di Kuantan Megalanes yang melibatkan 25 orang peserta.

PKNP telah memenangi kategori individu lelaki melalui Kapt. Azis bin Muhamad manakala kategori individu wanita dimenangi oleh Puan Hasimah dari Yayasan Pahang.



Barisan peserta perlawanan bowling persahabatan PKNP melawan Yayasan Pahang

Pembayaran SEWAAN PREMIS kini boleh dilakukan melalui APLIKASI PahangGo

Muat turun aplikasi PahangGo



LANGKAH 01

Klik pada Ikon Sewaan Premis

LANGKAH 02

Kemudian, klik pada Logo PKNP

LANGKAH 03

Masukkan Nombor Akaun Penyewa/MyKAD/ Syarikat

Sila klik SEMAK

LANGKAH 04

Klik 'Butiran Akaun' untuk lihat perincian akaun

Klik butang 'Buat Bayaran' untuk meneruskan bayaran

Butiran Penyewa dan Jumlah Bayaran akan dipaparkan

LANGKAH 05

Skrin Pengesahan akan dipaparkan untuk semakan. Klik 'Teruskan' untuk meneruskan bayaran

LANGKAH 06

Pilih kaedah bayaran

LANGKAH 07

Paparan 'Transaksi Berjaya' akan dipaparkan jika bayaran berjaya dibuat.

Email notification

Hi! Kami telah berjaya membuat RM 500.00 dan bayaran telah dipaparkan kepada anda. Sila semak maklumat ini untuk memastikan bayaran anda telah berjaya.

Bank atau kaedah bayaran yang digunakan:

Transaksi Berjaya: RM 500.00

Butiran Bilik: RM 1.00

Jumlah: RM 500.00

Jumlah (RM): 500.00

Tempat: PahangGo

Hubungi: PahangGo

lensaPKNP
PHOTOGRAPHY

MAJLIS PELANCARAN KILANG PELURU KETECH ASIA



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT PKNP



Sidang Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasi

JURUFOTO
Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar